

NRES sedang rangka dasar atasi pencemaran di lautan

Oleh Zatul Iffah Zolkipli - Jun 10, 2024 @ 3:46pm
zatuliffah@bh.com.my



Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad (dua kanan) beramah mesra bersama pelajar pada program Jelajah Kelestarian Alam di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). NSTP/Ghazali Kori

KUALA NERUS: Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sedang merangka dasar yang bersesuaian bagi mengatasi masalah pencemaran, terutama di lautan.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata ia bagi memastikan masalah pencemaran, terutama plastik dapat ditangani secara lebih berkesan.

Beliau berkata, kajian di peringkat antarabangsa juga mendapati berat sisa plastik di lautan akan mengatasi berat ikan menjelang 2050.

"Kami di peringkat NRES juga sedang merangka dasar bagaimana kita dapat menyokong usaha untuk mengatasi masalah pencemaran di lautan.

"Kita sudah ada hala tuju ke arah 'zero single use plastic' dan 'sustainable plastic road map'. Jadi kita nak tengok adakah boleh buat satu perundangan di peringkat nasional untuk kita kurangkan sisa plastik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Jelajah Kelestarian Alam NRES dengan kerjasama Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di UMT di sini, hari ini.

Nik Nazmi berkata, orang ramai turut digalakkan mengamalkan penggunaan beg plastik boleh guna semula dalam aktiviti harian bagi mengurangkan kesan pencemaran alam akibat penggunaan beg plastik sekali guna.

Beliau berkata, ia juga selaras dengan hasrat kerajaan yang menyasarkan tiada lagi penggunaan beg plastik di semua premis dan sektor perniagaan di seluruh negara pada 2025.

Katanya, pengurangan kebergantungan pengguna terhadap beg plastik boleh meminimumkan kesan pencemaran terhadap alam sekitar.

"Semua sampah ini adalah masalah tetapi cabaran besar plastik ini ialah ia tidak terurai. Kalau sampah lain yang diperbuat daripada kertas, kadbod atau kain kapas ia akan terurai selepas beberapa tahun tetapi kalau plastik anggarannya 500 tahun.

"Jadi, itu antara cabaran besar yang dunia hadapi. Sebab itu, antara usaha kita adalah galakkan penggunaan plastik boleh guna," katanya.